



# Ubat palsu ancam nyawa

It m 9/12/07 M18 26

Penghasilannya jenayah yang



Perbandingan  
komparatif masalah  
ubat palsu  
di rantau Asean

Negara	Tahun			
	2001	2002	2003	2004
Indonesia	9.00	9.03	9.33	8.75
Vietnam	9.75	8.25	9.00	8.00
Filipina	8.40	7.58	7.33	7.97
Singapura	3.83	2.80	0.75	1.25
Thailand	7.73	8.78	8.90	8.80
Malaysia	6.00	6.43	5.25	6.67
China	9.13	9.67	8.67	9.00
India	8.63	8.75	9.00	8.50
Jepun	0.50	3.00	1.50	2.00
Hong Kong	5.43	5.64	5.67	4.80

BAHAYA... lambakan ubat palsu yang dapat dikesan untuk dihapuskan.

## Keadaan di Malaysia

• **5.28%** daripada ubat yang dijual di farmasi atau kedai (tidak memerlukan preskripsi doktor) adalah ubat palsu (Kajian 1997)

• **4.8%** ubat daripada ubat di pasaran Malaysia adalah ubat palsu (Kajian syarikat farmaseutikal, 2005)

• **245** daripada 32,067 produk yang dirampas adalah ubat palsu (Kementerian Kesihatan 2006)

• Sehingga Jun 2007, **129** daripada 13,774 produk yang dirampas didapati dipalsukan dan berbahaya.

## dirancang rapi

>>Oleh **NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN**  
norlaila@hmetro.com.my

**P**ERNAHKAH anda terfikir ubat yang anda makan setiap hari itu mungkin ubat palsu walaupun rupa, bentuk dan warnanya sama seperti ubat asli? Tahukah anda ubat palsu bukan saja merugikan wang, tetapi berbahaya kerana ia boleh menjadi pembunuh senyap.

Kebanyakan rumah ada kotak atau kabinet ubat yang diisi dengan vitamin harian dan ubat untuk sakit biasa seperti batuk, demam serta selesema. Ia dianggap perkara wajib ada di setiap rumah untuk melindungi keluarga, di samping mengurangkan keperluan berjumpa doktor.

Namun, ramai antara kita menjadi mangsa penipuan pengeluaran ubat palsu. Ubat palsu bermakna ia mungkin tercemar atau mengandungi bahan berbahaya atau langsung tiada bahan aktif yang digunakan untuk merawat masalah kesihatan tertentu.

Gambaran ubat palsu ini yang lebih tepat dan digunakan di peringkat antarabangsa adalah ubat yang secara sengaja disalah labelkan daripada segi identiti atau sumbernya.

Pemalsuan boleh berlaku kepada ubat berjenama atau generik (tiada label tertentu, tetapi mengandungi bahan aktif sama baik seperti ubat berjenama dan ia diguna pakai secara me-

luas di hospital).

Ubat palsu mungkin termasuk produk dengan kandungan betul tetapi dengan pembungkusan palsu, ubat dengan kandungan salah, tiada bahan aktif, kandungan aktif tidak mencukupi atau dicampur dadah terlalu kuat dan dengan benda asing berbahaya. Jika dibuat dengan bahan toksik, ubat palsu menjadi racun dan boleh membunuh manusia.

Yang membimbangkan, ubat palsu mudah didapati di mana saja, termasuk di kedai menjual pelbagai penawar untuk beraneka jenis penya-

**Gambaran ubat palsu yang lebih tepat digunakan di peringkat antarabangsa adalah ubat yang sengaja disalah labelkan daripada segi identiti atau sumbernya**

kit tanpa memerlukan anda berjumpa doktor terlebih dulu.

Lebih sedih, sesetengah pengamal perubatan yang tidak berprinsip dan ingin untung cepat menganggap mereka 'cukup pakar' sehingga layak membuat ubat sendiri seperti dilaporkan di akhbar baru-baru ini.

Doktor berusia 30-an ditangkap kerana menjual ubat 'pati kacang ajaib' ciptaannya kepada pesakit. Pesakitnya yang mengalami masalah disfungsi erektil (ED) atau mati pucuk dan pesakit luar percaya sepenuhnya ubat itu

**PERTUBUHAN** Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan, edaran ubat palsu menguasai enam hingga 10 peratus (bernilai RM133 juta) daripada pasaran ubat di seluruh dunia tetapi ia lebih banyak berlaku di negara yang lemah penguatkuasaan dalam membendung kemasukan ubat haram dan boleh membahayakan nyawa pengguna. Pada 2004, 4,000 rampasan dibuat membabitkan lebih 166 juta jenis produk ubat palsu

## Edaran ubat palsu di dunia

Peratus	Lokasi
Kurang <b>1</b>	Negara maju
<b>30</b>	Negara membangun di Afrika dan Asia
<b>10-20</b>	Negara membangun lain
<b>50</b>	Internet

